



الجامعة التقنية الماليزية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PROSIDING SEMINAR PENYELIDIKAN PEMIKIRAN & KEPIMPINAN **MELAYU** 2013

Terbitan:



©Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa juga cara baik secara elektronik, fotostat, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Universiti Teknologi MARA, Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Prosiding Seminar Penyelidikan Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu
Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan Malaysia.
Tel: 03-5522 5448 / 5515
Fax: 03-5522 5489
e-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my

Mengandungi Indeks

ISBN 978-967-11172

e-Printed oleh: INSTITUT PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU (IMPAK)

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam prosiding ini adalah pandangan peribadi mereka dan tidak semestinya mewakili pandangan Insitut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan UiTM. Sebarang ulasan, kemosykilan dan pertanyaan tentang artikel-artikel yang diterbitkan hendaklah dikemukakan kepada Sidang Editor.

Sidang Editorial

Pengerusi:

Prof. Madya. Dr. Mohd Sazili Mohd Shahibi

Ketua Editor:

Dr. Samsudin Wahab

Senarai Editor:

Prof Madya Dr. Rozi Malim

Prof Madya Dr. Ghazali Daimin

Prof Madya Mat @ Muhammad bin Yusoff

Tuan Haji Juwahir Ali

Hasan Abdullah

Fairul Nazmie bin Osman

Norhayati Hussin

Grafik:

Mohd Husni Mohd Som

Mohd Hafiz Ab Satar

Hussien Harnis

JADUAL KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
Dasar Kepimpinan Najib: Model Transformasi Ke Arah Kesejahteraan Global <i>Dr Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Juwahir Ali dan Hasan Abdullah FELO, Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu IMPAK</i>	3-10
Peranan Komunikasi Visual dalam Perpaduan Melayu <i>Prof. Madya Dr Ghazali Daimin, IMPAK</i>	11-15
Bangsa Melayu dan Orang Jawi Menurut Kitab Turath Arab <i>Wan Kamal Nadzif bin Wan Jamil, CITU, UiTM Perak</i>	16-22
Pengaruh Status Ekonomi Keluarga Terhadap Tahap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Melayu: Kajian terhadap pelajar Mengubah Destini Anak Bangsa <i>Zarul Azhar Nasir, Unit MDAB UiTM Perak</i>	23-29
Perbandingan Manoriti Melayu Ayutthaya & Pattani Dalam Domain Keluarga, Bahasa, Budaya, Pendidikan, Pekerjaan, Sosial & Politik <i>Prof Madya Dr Muhammad Rozi Malim, IMPAK</i>	30-42
Komunikasi Efektif Melalui Media Perantaraan Di Kalangan Masyarakat Melayu Melaka <i>Raha Radzi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Melaka</i>	43-57
Estetika Melayu dalam Seni Moden Malaysia <i>Nurkhazilah Idris, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Kuala Terengganu</i>	58-67
Kajian Budaya Dan Fundamental Terhadap Seni Lukisan Kontemporari Malaysia : Masyarakat Jawi Peranakan <i>Siti Nur Izaura Bt Mohd Razis, Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Shah Alam</i>	68-77
Atlet Bumiputera: Tahap Keyakinan Diri dan Pencapaian Dalam Sukan <i>Dr. Vincent A. Parnabas, Fakulti Sains Sukan, UiTM Shah Alam</i>	78-77
Pembentukan Kerangka Sosio-Budaya Anthropologi Terhadap Budaya Masyarakat Minangkabau Di Malaysia <i>Nurul Shima Taharuddin Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Perak</i>	84-90
Budaya dan Tradisi Seni Anyaman Melayu <i>Noor Hafiza Ismail, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Terengganu</i>	91-97
Manifestasi Pandangan Dunia Melayu Dalam Rupa Dan Jiwa Seni Catan Wanita Melayu <i>Liza Marziana Haji Mohammad Noh, Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Melaka</i>	98-106
Strategi Pujuk Rayu Dalam Perkahwinan: Tanggapan dan Pengalaman Lelaki Melayu Dalam Konteks Komunikasi Interpersonal <i>Hariyati Ariffin, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam</i>	107-118

KAJIAN ANTROPOLOGI BUDAYA DAN KESENIAN: KAJIAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ETHNIK MINANGKABAU DI KAMPUNG GAGU JELEBU NEGERI SEMBOLAN

Nurul Shima Bt Taharuddin , Prof Madya Mohamad Khalil Amran
nurul026@perak.edu.my , Khalil34105@yahoo.com

Jabatan Tahun Satu (Pengajian Liberal)
Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka Kampus Seri Iskandar
Universiti Teknologi MARA (Perak)

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mendokumentasikan kebudayaan dan kesenian masyarakat etnik Minangkabau di Kampung Gagu Jelebu Negeri Sembilan, seterusnya memperlihat keindahan hidup etnik ini dimata dunia. Etnik Minangkabau adalah antara etnik yang unik di kepulauan Melayu. Menerokai adat, budaya dan kesenian mereka melalui pemerhatian dan dokumentasi, menghasilkan penemuan yang sangat menarik serta penuh dengan kejutan. Pendekatan menerusi kaedah photography dan dokumentasi yang akhirnya akan memperlihatkan kebudayaan dan kesenian yang telah diamalkan oleh masyarakat Minangkabau di kampung Gagu Jelebu Negeri Sembilan .

Kata-kunci: Kebudayaan dan kesenian, Masyarakat dan kebudayaan

1.0 PENGENALAN

Asal usul perkataan Minangkabau adalah berasal dari dua perkataan iaitu, minang iaitu dalam bahasa Malaysia disebut menang dan kabau yang bermaksud kerbau. Nama itu berasal dari sebuah legenda kuno. Kononnya pada abad ke-13, kerajaan Singasari melakukan ekspedisi ke Minangkabau dan terjadilah perbalahan antara Putera dari kerajaan Singgasari dengan orang tempatan. Bagi menyelesaikan persengketaan itu dan mengelakkan terjadinya perperangan penduduk mencadangkan agar satu pertandingan beradu kerbau diadakan antara kedua pihak. Putera dari kerajaan Singgasari bersetuju dan mempersemprehankan seekor kerbau yang kuat serta ganas namun orang tempatan cuma mempersemprehankan seekor anak kerbau yang kecil tetapi tanduknya telah pun diasah hingga menjadi tajam. Ketika pertandingan anak kerbau itu meluru kearah kerbau putera Singgasari dan merodok perut kerbau itu hingga mati sebenarnya anak kerbau itu terlalu lapar dan ia mencari susu untung menghilangkan kelaparannya. Akhirnya kerbau putera itu mati dan orang tempatan mendapat kemenangan.

Orang Minangkabau atau Minang adalah kumpulan etnik Nusantara yang berbahasa dan menjunjung adat Minangkabau. Wilayah pengikut kebudayaannya meliputi Sumatera Barat, separuh darat Riau, bahagian utara Bengkulu, bahagian barat Jambi, bahagian selatan Sumatera Utara, barat daya Aceh, dan juga Negeri Sembilan di Malaysia. Walaupun suku Minangkabau kuat dalam pegangan agama Islam, mereka juga kuat dalam mengamalkan amalan turun-temurun yang digelar adat. Beberapa unsur adat Minangkabau berasal dari fahaman animisme dan agama Hindu yang telah lama bertapak sebelum kedatangan Islam. Walaubagaimanapun, pengaruh agama Islam sangat kuat di dalam adat Minangkabau, seperti yang tercatat di dalam pepatah mereka, *Adat basandi syara'*, *syara' basandi Kitabullah*, yang bermaksud, adat iaitu orang Minangkabau bersendi hukum Islam dan hukum Islam bersendi Al Qur'an. Pegangan agama mereka sangat kuat hingga mereka menyuruh anak-anak lelaki seawal remaja lagi untuk lekuar merantau menimba ilmu dan meningkatkan keimanan mereka

kepada Allah. *Menimba ilmu itu adalah wajib.* Pada mereka remaj mesti merantau dan mengembara untuk menimba ilmu dan bertemu dengan orang dari berbagai tempat untuk mencapai kebijaksanaan, dan untuk mencari penghidupan yang lebih baik. Ini juga adalah untuk melatih mereka untuk hidup berdikari. Kefahaman yang diterapkan pada golongan muda adalah merantau merupakan proses interaksi antara etnik Minangkabau dengan dunia luar bahkan menerusi merantau jugalah mereka dapat menimba ilmu, memperoleh pengalaman serta secara tidak langsung mengumpul harta. Masyarakat Minangkabau telah menggalakkan anak-anak mereka mula mengembara seawall remaja kerana perjalanan hidup yang lebih panjang akan menghasilkan penemuan yang lebih banyak. Bagi mereka mengembara ke Negara orang, mengenali budaya orang serta bercampur dengan ethnic dan masyarakat lain akan menjadikan mereka matang serta berpengaruh malahan ilmu akan penuh didada.

1.1 Etnik Minangkabau di Negeri Sembilan

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Luak Jelebu sekitar kurun ke 17 dan 18. Persemendaan telah berlaku antara orang-orang Minangkabau dengan penduduk tempatan di Luak Jelebu. Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku yang terdiri daripada suku Biduanda, Tanah datar, Mungkal, Tiga batu, Tiga nenek, Batu Belang, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Seri Lemak, Anak Aceh dan Anak Melaka. Di dalam Negeri Sembilan yang asal terdapat 9 Luak ataupun Undang, namun akibat perubahan masa dan peristiwa-peristiwa yang berlaku hanya tinggal 4 sahaja Luak ataupun Undang yang tinggal iaitu Luak Jelebu, Luak Johol, Luak Rembau dan Luak Sungai Ujong. Adat di Negeri Sembilan telah lama diamalkan dari zaman berzaman lagi. Terdapat dua bentuk adat di alam masyarakat Melayu iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Adat Perpatih mengikut R.O Winsted adalah sebagai undang-undang Perdana Menteri. Sedangkan adat Temenggung pula di panggil undang-undang Menteri peperangan dan polis. Temenggung memerintah secara Birokrasi dan Perpatih secara Demokrasi.

1.2 Kampung Gagu Jelebu Negeri Sembilan

Kampung Gagu jaraknya 8 km dari pekan Kuala Klawang Daerah Jelebu. Pemandangan kawasan kampung diapit oleh bukit bukau, hamparan tanaman padi dan kawasan kebun getah serta dusun. Majoriti penduduk adalah Etnik Minangkabau. Kampung ini dibuka lebih dari 150 tahun oleh peneroka berasal dari Minangkabau. Asalnya dipanggil kampung ‘solok’ yang bererti ‘hulu’, seperti yang terdapat di beberapa kampung Minangkabau kerana kawasan yang terpencil. Ramai yang berpendapat dan merumuskan nama Kampung Gagu ini berasal dari perkataan ‘ragu’ kononnya sekumpulan penduduk asal dari Minangkabau yang datang awalnya berkeadaan ragu apabila sampai di kaki Bukit Baling-Baling yang merupakan bukit tertinggi yang memisahkan Kampung Renal dan Gelui Hulu Klawang. Gelaran Datuk Empat sebagai Ketua Kampung adalah gelaran yang dibawa dari Minangkabau. Dibawahnya ada empat suku minang yang utama iaitu Suku Kota Piliang, Suku Sikumbang, Suku Jambak dan Suku Caniago. Datuk Empat adalah ketua adat dan ketua pentadbiran kampung ketika itu.

1.3 Falsafah Hidup Masyarakat Etnik Minangkabau

*Aka lapuak gagangnya lapuak, hiduik nan tidak memilih tumpat asa lai lambah inyo lah tumbuah,
dalam aia bagagang juo, aia hilia lumuik pun hilia.*

*Walau tasalek diruang batu, baguba babondong-bondong. Aia bapasang lumuik bapiuah namun
hiduik bapantang mati. Baitu untuangnya lumuik. Indak mencari tumpat diam hanyo menumpang jo
aia hilia.*

*Indak memilih tumpat tumbuah, asa kasampai kamuara. Usah cameh badan kahanyuik, baguru
kitopado lumuik. Alam takambang dadi guru. Lahianyo lumuik nan disabuik.*

*Bathinnya Adat Minangkabau. Dilarisk dipapan tapi, ukiran rumah nan dilua. Gambaran adat hiasan
alam pusako saalamnya. Pariangan juo nan tampus tangkai.*

Merupakan filosofi ukiran ‘Lumuik Hanyuik’ iaitu perumpamaan yang disamakan dengan etnik Minangkabau. Maksud ayat ini ialah *akar lapuk gagangnya lapuk iaitu mati akar matilah daunnya, hidup tidak memilih tempat asalkan tempat tu lembab tumbuhlah ia. Jika ada air bolehlah ia hidup.*

Jika air ke hilir ia pun kehilir. Walau terselit di ruang batu, berubah cara hidup kesemuanya. Jika air pasang lumut berpusing namun hidup berpantang mati. Begitulah untungnya lumut. Tidak mencari tempat hidup hanya menumpang air. Tidak memilih tempat tumbuh, asal sampai ke muara. Usah cemas badan terhanyut, berguru kita pada lumut. Alam nyata menjadi guru. Lahirnya lumut yang di sebut. Batinya Adat Minangkabau, dilukis pada papan pada bahagian luar. Gambaran adat hiasan alam pusaka sealamnya. Periang juga tampuk tangkai.

Menerusi falsafah ibarat seperti lumut dapat difahami bahawa ibaratkan diri seperti lumut yang hidup tidak memilih tempat asalkan subur untuk membina kehidupan. Falsafah ini dijadikan sebagai perumpamaan yang mencerminkan tentang etnik Minangkabau yang cekal untuk membina kehidupan walau dimana mereka berada. Ibaratkan Lumut, dicelah batu mana pun ia terselit berkembang bercambah ia menjadi subur, begitu juga dengan etnik ini yang bijak membiasakan diri serta menjalani kehidupan mereka dengan masyarakat sekitar bahkan adat serta budaya mereka diamalkan dan dikenalkan seiring dengan kemajuan dan kesesuaian masyarakat setempat.

2.0 KEBUDAYAAN

2.1 Adat Berendoi

Upacara adat berendoi dilakukan bagi meraikan bayi yang baru lahir ianya merupakan sambutan yang dilakukan oleh ibubapa dan orang kampung bagi meraikan dan sebagai melambangkan penerimaan bayi ke dalam masyarakat mereka secara tidak langsung sebagai pengumuman bahawa keluarga itu baru menerima ahli yang baru. Pada majlis sambutan ini buaian dihias indah dengan kain satin atau kain batik dan kain pelekat, buaian dihiasi bunga-bungaan dan lilitan ribbon yang berwarna warni kelihatan sangat cantik. Bunga telor disusun kemas diatas dulang paha berserta pulut kuning. Ibu bapa bayi akan menghayun buaian sambil kumpulan marhaban dan berzanji mengalunkan bacaan Al-Quran diikuti nyanyian lagu-lagu menceritakan riwayat Rasullallah s.a.w nyanyian berunsur nasihat ini diharap dapat dicontohi oleh bayi itu. Selepas itu bayi akan dudukung oleh si ayah sambil didirungi siibu membawa dulang berisi kelapa muda yang telah ditebus, air bedak, beras pulut berwarna kuning, seikat daun sirih dan bunga rampai. Bayi ini akan dibawa kearah seorang demi seorang ahli marhaban untuk di gunting sedikit rambutnya bagi mendapatkan restu dan berkat. Upacara berendoi yang dilakukan amat tertib dan mengikut urutannya

2.2 Korban/Akikah

Ibadah korban merupakan satu amalan yang wajib bagi mereka yang berkemampuan. Bermula dengan menumbangkan lembu yang pertama, seramai sepuluh orang memegang lembu tersebut ada yang memijak kaki lembu yang didikat dengan kayu beluti, ada yang menahan dengan tangan, ada yang menjatuhkan berat badan keatas lembu agar lembu tidak bergerak. Sebaik sahaja tok imam membaca bismilah dan takbir lembu pun di sembelih dan semakin erat pegangan dikuatkan. Giliran lembu kedua pula disembelih dan lembu pertama bersedia untuk dilapah. Benar kata pepatah “*berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*”. Apabila semua yang hadir bersama-sama bekerjasama, lembu itu dengan mudah dikerat dan dipecahkan ke beberapa bahagian bagi memudahkan ia dilapah.

Secara bergotong royong mereka melapah daging dan tulang lembu sehingga menjadi bahagian-bahagian kecil. Daging-daging dan tulang kemudian dimasukkan kedalam plastik untuk ditimbang dan diagihkan. Adat tradisi yang berzaman memang “*tidak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas*” semangat gotong-royong penduduk kampung diteruskan pula oleh kaum wanita. Mereka bergotong royong memasak daging bagi menjamu kaum lelaki yang telah bersusah payah di depan. Setelah siap lauk dimasak dijamu kesemua penduduk yang hadir makan bersama-sama lelaki di depan dan wanita di dapur. Semangat kerjasam yang baik dan saling bantu- membantu memudahkan kerja dan mempercepatkan urusan. Inilah semangat yang perlu ada dan perlu diteruskan. Adat saling tegur menegur dan bantu membantu yang telah orang- orang Minangkabau amalkan mempunyai nilai kehidupan yang sangat tinggi dan sepatutnya diperlakukan.

2.3 Marhaban/ Berzanji

Marhaban bermaksud selamat datang, ianya merupakan puji-pujian yang dilakukan untuk memuji - muji para nabi dan Rasullullah s.a.w. Kebiasaannya ia di lakukan pada majlis-majlis cukur jambul atau berendoi, majlis maulidur rasul dan majlis yang bersifat keagamaan. Marhaban yang bermaksud selamat datang juga sebagai salah satu simbolik adat yang baik kepada bayi yang baru lahir. Seperti yang kita tahu bayi yang baru lahir patut diberi mendengar benda-benda yang baik. Kerana itu lagu-lagu memuji-muji nabi dan rasul dipilih dan didendangkan agar bayi itu mendengar perkara-perkara yang baik dan diharap dapat menjadi tauladan kepada bayi itu kelak.

2.4 Adat Merisik

Adat merisik merupakan adat yang dilakukan oleh pihak keluarga lelaki datang bertandang ke rumah keluarga wanita. Merisik yang bermaksud bertanya dan menyelidik atau bertanya khabar adalah langkah pertama bagi si lelaki untuk memiliki si wanita. Adat merisik wajib dilaksanakan agar tidak tersilap langkah. Merisik bermakna bertanyakan dan dalam masa yang sama memberikan *Tanda*, tanda bawa keluarga lelaki mahu menyunting wanita untuk anak mereka. Adat merisik dahulu dan sekarang sangat berbeza cara dan pelaksanaanya. Orang yang bertanggungjawab pergi merisik bagi masyarakat etnik Minangkabau ialah buapak, buapak atau ketua adat bagi suku pihak lelaki akan bersama ibubapa lelaki akan bertemu buapak pihak wanita. Hanya buapak sahaja yang akan berbicara. Ini dilakukan adalah bagi mengelakkan berkahwin sesame suku. Mengikut adat Negeri Sembilan mereka tidak boleh berkahwin sesame suku ianya dilarang. Jadi buapak lelaki yang mengenali anak-anak buahnya iaitu suku pihak lelaki akan berbicara dengan buapak pihak perempuan mengenai asal usul pihak perempuan. Apakah suku pihak perempuan asal tanah kelahiran mereka sekeluarga. Setiap keputusan yang diambil buapak akan dirujuk dahulu kepada ibu bapa lelaki dan perempuan jika bersetuju barulah tanda diterima. Kedatangan pihak rombongan tidak bertangan kosong, didalam adat perpatih diantara yang wajib dibawa ialah *Tepak Sirih*, Tepak Sirih diletakkan diatas dulang paha berkaki dan disusun bersama dengan bahan-bahan untuk menjamah sirih iaitu, biji pinang yang telah dikacip, kapur dan gambir. Sirih adalah simbolik pada persaudaraan sebagai tanda persaudaraan. Pihak lelaki mempersembahkan sirih dan pihak wanita akan menyambut dan menjamah sirih itu tanda menerima dengan senang hati kedatangan pihak lelaki. Setelah persefahamkan termetrai, pihak lelaki akan pulang meninggalkan sebentuk cincin belah rotan sebagai *Tanda*.

2.5 Berarak Lilin/ Bertandu

Majlis perkahwinan di Negeri Sembilan adalah yang paling meriah terutama dikawasan tanah adat yang didiami oleh etnik Minangkabau. Jika dibandingkan dengan tempat lain majlis perkahwinan di kampung Gagu ini amat meriah kerana majlis telah bermula pada malam hari sebelum majlis persandingan esok harinya. Malam ini dipanggil malam berinai. Pada malam berinai pengantin akan diraikan dengan meriah dan penuh warna warni dan keceriaan. Tandu atau usungan yang dihias cantik dengan kertas berwarna-warni, lilin yang dicucuk di sekeliling tandu dan bunga manggar yang dihiasi dikiri dan kanan tandu. Pengantin yang telah siap memakai pakaian kebudayaan Minangkabau iaitu bagi pengantin perempuan memakai baju kurung teluk belanga beserta sanggul tingkat, manakala pengantin lelaki akan memakai baju melayu dan baju sikap akan diarak menggunakan tandu beberapa meter kemudian kembali semula ke rumah. Keraian ini yang disebut arak lilin oleh masyarakat setempat. Acara arak lilin pengantin ini diambil dari upacara mengarak raja pada zaman dahulu bersesuaian dengan pengantin baru yang diraikan sebagai raja sehari maka terciptalah upacara ini yang menjadi acara rakyat menyambut keistimewaan pasangan pengantin. Usungan pengantin yang diiringi paluan rebab atau kompong memeriahkan lagi majlis. Kemeriahan lebih terserlah apabila majlis diserikan dengan bunga api dan mercun yang dibakar bagi menggamit suasana sambil paluan kompong dan rebab terus diperdendangkan. Pengantin kemudian disandingkan dihadapan rumah buat tatapan para tetamu yang hadir kemudian tarian piring yang ringkas ditarikan sebagai hiburan bagi tetamu yang hadir.

3.0 KESENIAN

3.1 Tarian Randai

Tarian Randai asalnya adalah dari sebuah tarian yang penuh dengan aksi , jalan cerita, pergerakan yang banyak dan bermaksud. Asal usul nama tarian randai sendiri dari perkataan “*merandai*” iaitu berkumpul didalam bulatan mencari barang yang hilang. Di dalam Tarian Randai yang asal terdapat lebih dari 20 pergerakan silat dan pergerakan ini sangat agresif. Pemain-pemainnya pula adalah dari golongan lelaki dewasa yang bergerak lincah kerana seni silat dimasukan ke dalam penceritaan. Tarian Randai pada masa kini hanyalah sebagai hiburan, ianya dipersembahkan di majlis-majlis perkahwinan sahaja, jika terdapat majlis besar dan berkenaan kebudayaan barulah dipanggil kumpulan Tarian Randai dari kampung Gagu ini beraksi. Pemain-pemainnya pula terdiri dari kanak-kanak dan remaja, mereka yang berada diumur ini tidak matang dan lebih berperangai kebudak-budakkan. Mereka tidak serius melaksanakan tarian ini, gerakan agak sedikit sumbang dan tidak tepat, malahan mereka seperti tidak bersedia apabila kelihatan sperti ternanti-nanti arahan dari ketua mereka. Pergerakan mereka tidak sesempurna gerakan pemuda-pemuda yang lebih tangkas.

3.2 Caklempong

Muzik Caklempong ataupun alat muzik Caklempong amat terkenal pada masa dahulu, Ianya menjadi satu alat muzik kesenian yang amat penting pada waktu dahulu. Disetiap upacara pertabalan, keraian, majlis-majlis yang besar hingga ke perkahwinan semuanya terdapat muzik Caklempong sebagai penyeri. Alat muzik Caklempong yang utama adalah seperti set Caklempong Gereteh, set Caklempong Saua dan juga set Caklempong Tingkah. Didalam set-set Caklempong ini terdapat gong-gong kecil yang diperbuat seratus peratus dari logam dan timah dan dibentuk cembul ditengahnya. Dibahagian tengah inilah yang akan menghasilkan bunyi nyaring yang merdu dan sedap didengari. Selain dari set Caklempong itu sendiri terdapat juga alat muzik lain. Jika ingin dibandingkan set Caklempong dahulu dan sekarang memang jauh bezanya. Set Caklempong dahulu mempunyai banyak alat muzik pengiring seperti, gendang ibu dan gendang anak, bangsi, serunai dan serunai berkembar, dan pupuik. Tetapi kini ia telah diolah agar menjadi lebih sedap dan bunyinya lebih harmoni maka alat-alat muzik seperti tamborin dan gitar, dimasukkan. Bagi kumpulan muzik Caklempong dari kampung Gagu mereka hanya menggunakan alat muzik asas sahaj seperti set Caklempong Gereteh, set Caklempong Saua, set Caklempong Tingkah, gendang ibu, gendang anak, dan tamborin. Walaupun menggunakan alat muzik yang asas sahaja ianya sudah cukup merdu. Pada waktu dahulu permainan muzik Caklempong ini diistana dan majlis keraian, tetapi kerana perubahan masa dan factor kemodenan masyarakat, caklempong hanya dimainkan di majlis-majlis perkahwinan sahaja.

3.3 Tarian Piring

Tarian yang mitosnya berasal dari kayangan masih lagi wujud hingga ke hari ini. Tarian itu adalah tarian piring. Tarian piring adalah tarian dimana penari akan menari bersama piring yang dibawa dikiri dan kanan tangan. Jika dahulu mengikut mitos tarian ini ditarikan oleh wanita-wanita cantik yang menghidangkan makanan kepada dewa. Tarian yang mempunyai lengkok tari yang lemah gemalai dan mengasyikkan ini mengalami transformasi yang ketara. Bermula selepas kejatuhan kerajaan Srivijaya dan pelarian ke tanah melayu, tarian ini diolah menjadi tarian yang bersifat lincah dan lebih kepada tarian yang berritual. Tarian ini juga ditarikan oleh lelaki dan wanita samaada secara solo atau berpasangan. Tarian ini juga pada awalnya melibatkan beberapa pergerakan yang agak lasak seperti menari diatas kepingan kaca yang pecah tetapi kaki penari tidak luka, menari diatas kepingan piring tetapi piring tidak pecah. Tetapi setelah kedatangan Islam, dan disesuaikan dengan hukum Islam ia tidak lagi ditarikan diatas kepingan piring yang pecah kerana jika ingin menari diatas kepingan kaca ritual perlu dilakukan dan ini yang ditengah dalam Islam iaitu perbuatan syirik.

3.4 Ukiran Kayu

Ornament atau tata rias pada ukiran kayu etnik Minangkabau mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Sepertimana etnik ini yang mempunyai falsafah hidup mereka sendiri. Beberapa kajian telah dilakukan oleh pengkaji sejarah mereka mendapati setiap bentuk ukiran mempunyai maksud yang tersendiri dan tersirat. Mengapa terdapat falsafah pada ukiran, ini adalah kerana pada waktu dahulu semua rumah diperbuat dari kayu dan ukiran adalah sebagai salah satu ragam hias yang mereka utamakan pada rumah. Ukiran melambangkan taraf hidup sesebuah keluarga. Pada waktu dahulu ukiran yang ingin ditempah pada rumah adalah mahal oleh kerana hasil kerja yang halus dan penuh berseni, kerana itulah rumah yang mempunyai ukiran melambangkan bahawa pemiliknya adalah dari golongan yang berkemampuan. Ukiran yang dihasilkan mempunyai maksud tersirat seperti ukiran dua kepala ayam jantan yang sedang berlaga bermaksud janganlah melakukan tindakan seperti ini kerana pergaduhan hanya akan merugikan dan merosakkan perhubungan ssesama saudara. Perubahan-demi perubahan telah berlaku kepada ukiran-ukiran ini akibat perubahan masa. Di kampung Gagu sendiri ukiran yang masih wujud hanyalah pada tiang masjid di kampung ini. Kebanyakan penduduk telah membuat rumah batu dan tidak langsung mempunyai ukiran. Ukiran yang pada waktu dahulu digunakan sebagai sindiran dan peringatan kini telah tiada lagi. Diantara alasan-alasan yang dikemukakan ialah penjagaan kayu amat susah dan leceh. Kayu perlu dijaga dan disembur agar tidak dimakan anai-anai. Keindahan budi bahasa yang digambarkan melalui ukiran kini sudah semakin hilang.

3.5 Seni Bina

Keunikan bentuk bumbung yang kelihatan seperti tanduk kerbau mencerminkan dan menggambarkan identiti etnic Minangkabau. Selain dari kebudayaan keunikan seni bina juga adalah sebagai perlambangan yang mencerminkan identiti etnic ini yang amat terkenal sebagai bangsa beradat. Peredaran masa serta perkembangan tamadun dan kemodenan gaya hidup memusnahkan identiti ini. Jika suatu ketika dahulu orang berlumba-lumba menghasilkan rumah mengikut gaya budaya etnic mereka tetapi kini orang berlumba-lumba mengubah suai rumah menjadi banglo. Bagi mereka tidak akan nampak mewah jika rumah tidak berasaskan batu. Inilah masalah yang timbul, “*yang lama tidak mahu dipelihara, tetapi yang baru dimegah-megahkan*” bermaksud tiada rasa untuk mengekalkan tradisi dan budaya kerana asyik mengejar pembangunan. Apa yang telah berlaku ini bukan seratus peratus berpunca dari etnic itu sendiri, diantara alasan-alasan kenapa senibina-senibina asli yang berasaskan kayu tidak dapat dibuat adalah kerana kemampuan. Pada zaman kini kayu adalah lebih mahal dari batu dan simen. Oleh kerana itu dari dipulihara adalah lebih baik diubah dan dibina baru.

4.0 KESIMPULAN

Pelbagai pihak perlu tampil untuk menyelamatkan tradisi ini dari terus pupus. Bantuan dari pusat kewangan yang memandang berat akan masalah ini amat diperlukan kerana Muzium Adat dan Muzium Negeri memerlukan wajah baru bagi menggambarkan identiti etnic ini di Negeri Sembilan. Pertubuhan penulis yang mencintai adat tradisi perlu lebih agresif mendokumentasikan dan mendapatkan bahan penulisan dari orang-orang lama semasa mereka masih ada. Negara Malaysia amat kekurangan bahan penulisan tentang budaya ethnic di Malaysia, terutama penulisan tentang ethnic Minangkabau di Negeri Sembilan. Pengetahuan tentang adat resan dan budaya ethnic Minangkabau telah lama terhakis dan hampir dilupakan semuanya. Pusat sumber yang dibina khas seperti Muzium Adat amat perlu dipenuhi dengan bahan-bahan rujukan dan penulisan tentang adat, budaya kesenian bangsa Minangkabau agar ini tidak pupus dan hilang ditelan zaman.

BIBLIOGRAFI

- Alex Stewart. (1998). *The Ethnographers Method*. SAGE Publication International Educational and Professional Publisher Thousand Oaks. London. New Delhi.
- Amir M.S. (2001). *Adat Minangkabau Pola dan Tujuan Hidup Orang Minangkabau*. PT Mutaiara Sumber Widya.
- Bradford J. Hall. (2002). *Among Cultures. The Challenge of Communication* Wadsworth A division of Thomson Learning Inc. Thomson Learning Is A Trademark Used Here In Under License.
- Daniel J. Gelo And Lawrence T.Jones III. (2009). *Photographic Evidence for Southern Plains Armor*. American Anthropological Association.
- Marcus Banks and Howard Morphy. (1999). *Rethinking Visual Anthropology*. Yale University Press New Haven and London.
- Nellie S.L Tsn Wong, KMN., PMC., PJK., JP., Vipin Patel, PMC., PJK. (1992). *Adat Perpatih A Matrilineal System In Negeri Sembilan And Other Matrilineal Kinship Systems Throughout The World*. Wintrac (WWWB/ Malaysia) SDN. BHD. Malaysia Affiliate, Women's World Banking. Kuala Lumpur Malaysia.
- R.O Winstedt. *History of Negeri Sembilan*. Copy paper from Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsul Amri Baharuddin. (2007). *Adat Perpatih. Menungkah Zaman. Pembinaan Kembali Kewargaan Komuniti Adat Seremban*. Muzium Negeri Sembilan.
- Tan Sri A. Samad Idris. Norhalim Hj. Ibrahim, Haji Muhammad Tainu, Dharmala N.S. (1994). *Adat Merentas Zaman. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. Seremban Negeri Sembilan Malaysia*.
- Tan Sri A. Samad Idris. Abdul Muluk Daud (Dharmala NS). Haji Muhammad Tainu. Norhalim Hj. Ibrahim. Dato'- Dato' Lembaga Luak Tanah mengandung. (1994). *Luak Tanah Mengandung. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan. Seremban Negeri Sembilan Malaysia*.
- Tan Sri A. Samad Idris. Abdul Muluk Daud (Dharmala N.S) Haji Muhammad Tainu. Norhalim Hj. Ibrahim. (1994). *Luak Jelebu. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan*.